

Headline	Ratu XXL		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	21 Oct 2013	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	192,982
Page No	4,5	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	1109 cm <sup>2</sup>
Journalist	Nor Afzan Mohamad Yusof	AdValue	RM 37,546
Frequency	Daily	PR Value	RM 112,637



# Ratu XXL



Oleh **Nor Afzan Mohamad Yusof**  
afzan@bh.com.my

**D**alam apa juga gaya dan persembahan, lagak mereka mencetuskan histeria penonton. Gamat dan bingit antara tiupan wisel serta sorakan penonton saling bertingkah.

Ada yang menari, menyanyi dan tidak kurang juga meniru aksi selebriti antarabangsa. Ternyata, bakat wanita bertubuh gempal ini cukup mengu-

jakan dan ia mewarnai kemeriahan Pertandingan Ratu Jumbo 2013 yang berlangsung di ibu negara, baru-baru ini.

Pertandingan menyaksikan tutor, Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA), Hazra Ghazaly, 28, muncul juara.

Kemenangan itu melayakkan Hazra, 94 kilogram (kg) membawa pulang piala keme-

nangan, wang tunai RM5,000 berserta hadiah sampingan lain dan dimahkotakan, Ratu Jumbo 2012, Siti Aishah Abu Asan.

Hazra turut memenangi hadiah sampingan bagi 'Kategori Paling Popular'. Tempat kedua, Sabrina Jane Anthony, 35, manakala ketiga dimenangi, Rachel Tan Mei Chien, 27 dengan berat badan

masing-masing, 86 kg dan 85 kg.

### Penyertaan pertama

Pertama kali menyertai pertandingan seumpama itu, kata Hazra, penyertaannya adalah atas helah seorang rakan.

"Seorang kawan mengajak saya menyertai pertandingan ini. Apabila saya tanya, dia berkata 'adalah' sebab saya memang tidak pernah, malah

Headline	Ratu XXL		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	21 Oct 2013	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	192,982
Page No	4,5	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	1109 cm <sup>2</sup>
Journalist	Nor Afzan Mohamad Yusof	AdValue	RM 37,546
Frequency	Daily	PR Value	RM 112,637

enggan masuk pertandingan seperti ini. Apabila sudah sampai (ke pejabat Sungei Wang), dan lihat ramai wanita sama saiz, saya jadi yakin dan mahu mencuba. Ia akhirnya membawa rezeki kepada saya. Dan kini, saya ada mahkota," kata wanita periang ini.

Bakat dan keyakinan pemilik senyuman manis dengan bariisan gigi cantik ini sememangnya tidak dapat dipertikaikan lagi.

Dalam sesi bakat persembahan, gadis berasal dari Cheras, Kuala Lumpur ini menunjukkan kebolehan dan sangat bertenaga menari medley lagu rancak Beyonce, *Run the world, Crazy in love* serta *Single ladies* dan ia cukup menghiburkan.

Selaku tenaga pengajar seni bangsawan di ASWARA, nyata ia memberikan sedikit kelebihan buat dirinya apabila tampil yakin di atas pentas. Lantaran berkhidmat sebagai 'cikgu', dia juga memiliki puluhan penyokong

terdiri daripada pelajar dan rakan setugas yang menyumbang kepada mata undi. Sokongan penonton juga diambil kira, selain pengadilan dari segi personaliti, keyakinan diri dan pengayaan pakaian.

Jawapan Hazra dalam sesi pengenalan diri ringkas dan padat turut memikat juri.

"Saya Hazra berusia 28 tahun. Dulu saya tidak rasa cantik, tetapi hari ini saya berasa sangat menawan, seksi dan *limited edition* (edisi terhad)." Jawapannya, mengundang ketawa hadirin.

#### **Pernah cuba untuk kurus**

Persoalan 'tidak ingin kurus' bagaikan satu kemestian untuk diajukan kepada pemenang, sungguhpun penyertaan dibuka kepada wanita dengan berat badan lebih 80 kg ke atas saja.

Kata Hazra, dia pernah mencuba untuk menguruskan berat badan menerusi pengambilan

ubat kurus. Bagaimanapun, apabila diambil tanpa nasihat doktor, dia pengsan kerana dehidrasi, sekali gus pengalaman itu membuatnya fobia lantas tidak mencuba lagi untuk kurus.

"Saya memilih untuk menguruskan badan menerusi aktiviti senaman dan kurangkan makanan berkarbohidrat. Saya rasa, memang susah untuk kurus. Daripada berduka, lebih baik saya begini," katanya.

Apa yang pasti, hidup dilingkari keluarga yang sentiasa memberikan sokongan 'melahirkan' Hazra berpersonaliti positif.

"Memang ada orang panggil saya gemuk, termasuk abang saya. Bagaimanapun, saya tidak endahkan kata-kata itu. Ya, saya gemuk, justeru kenapa? Pada saya, yang paling mustahak ialah saya yakin diri dan tidak menyusahkan orang lain," katanya.

Bekas pemain hoki waktu

persekolahannya dulu, sememangnya memiliki tubuh kurus ketika bergelar pelajar. Bagaimanapun, apabila tidak lagi aktif selepas tamat sekolah, ditambah selera makan tinggi menyebabkan berat badannya naik mendadak, sungguhpun daripada genetik, ibu dan ayahnya kurus.

"Apabila bercakap mengenai gemuk, orang selalu kaitkan dengan penyakit. Itu ada kebenarannya. Tetapi hingga ke hari ini, saya sihat, malah akan sentiasa mengawal berat badan. Bukan tidak mahu kurus, tetapi saya kira, mungkin belum sampai masanya. 94 kg adalah angka timbangan paling berat pernah saya capai, dan saya akan berusaha memastikan angka itu terus berkurangan selepas ini," katanya.

Headline	Ratu XXL		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	21 Oct 2013	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	192,982
Page No	4,5	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	1109 cm <sup>2</sup>
Journalist	Nor Afzan Mohamad Yusof	AdValue	RM 37,546
Frequency	Daily	PR Value	RM 112,637



“

SAYA MEMILIH  
MENGURUSKAN  
BADAN  
MENERUSI  
AKTIVITI  
SENAMAN DAN  
KURANGKAN  
MAKANAN  
BERKARBO-  
HIDRAT. SAYA  
RASA, MEMANG  
SUSAH UNTUK  
KURUS.  
DARIPADA  
BERDUKA  
LEBIH BAIK  
SAYA BEGINI”

**Hazra Ghazaly,**  
Juara Ratu Jumbo 2012

Headline	Ratu XXL		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	21 Oct 2013	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	192,982
Page No	4,5	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	1109 cm <sup>2</sup>
Journalist	Nor Afzan Mohamad Yusof	AdValue	RM 37,546
Frequency	Daily	PR Value	RM 112,637



Hazra **menari rancak** medley lagu Beyonce.



**Pemenang bergambar** selepas majlis penyerhan hadiah. Turut kelihatan Siti Aishah (kiri).

Headline	Ratu XXL		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	21 Oct 2013	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	192,982
Page No	4,5	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	1109 cm <sup>2</sup>
Journalist	Nor Afzan Mohamad Yusof	AdValue	RM 37,546
Frequency	Daily	PR Value	RM 112,637

